

**DALAM MAHKAMAH SESYEN JENAYAH (4) KUALA LUMPUR
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PERMOHONAN JENAYAH NO: WA-64-155-12/2017**

ANTARA

**PREMESH CHANDRAN A/L
JEYACHANDRAN**

... PEMOHON

DAN

PENDAKWA RAYA

... RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

- [1] Dalam perkara ini, Pemohon telah membuat suatu permohonan di Mahkamah ini untuk satu perintah menurut seksyen 30 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) agar:
- (a) Rekod prosiding ini dihantar ke Mahkamah Tinggi dengan serta merta untuk mempertimbangkan samada soal-soal berbangkit tentang kesan bagi peruntukan Perlembagaan terhadap seksyen 233(1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan prosiding ini perlu diputuskan, untuk membolehkan tindakan ini diputuskan;

- (b) Prosiding ini digantung sehingga pelupusan prosiding ini oleh Mahkamah Tinggi dan sekiranya perlu, sehingga soalan-soalan diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan; dan
- (c) Apa-apa atau lain lain relief yang mana yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah ini.

[2] Alasan untuk menyokong permohonan ini dinyatakan di dalam affidavit yang diikrarkan oleh OKS bertarikh 06.12.2017 iaitu seperti berikut:

- a. Samada sebarang pertuduhan yang bercanggah dan bertentangan dengan seksyen 3 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 yang melarang penapisan dan justeru itu sama sekali dan dengan jelasnya tidak boleh dikekalkan dan adalah satu penyalahgunaan proses Mahkamah;
- b. Samada kata-kata jelik sifatnya atau menyakitkan hati orang lain atau kedua-dua ungkapan tersebut di dalam subseksyen 233 Akta Komunikasidan Multimedia 1998 tersebut adalah tidak konsisten dengan perkara 5, 8 dan 10 (1)(a) Perlembagaan Persekutuan dan justeru itu adalah batal dan tidak sah mengikut perkara 4 (1) Perlembagaan Persekutuan.
- c. Samada subseksyen 233 subseksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan atau kata-kata di dalamnya yang diungkapkan di atas bukannya satu undang-undang yang mematuhi perkara 10 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan memandangkan ianya bukannya secara objektif dapat dikatakan

sebagai satu sekatan yang munasabah dan bukan bertujuan mencapai objektif Perkara 10 (2)(a) itu dan adalah sama sekali tidak berpadanan kepada tujuan yang sah di sisi undang-undang untuk menyekat hak asasi OKT di bawah Perlembagaan Persekutuan.

- [3] Pihak Responden membantah atas permohonan ini. Responden menegaskan bahawa kedudukan di segi undang-undang seksyen 233(1)(a) Akta 588 yang dibangkitkan telah pun mantap dan tidak bercanggah dengan Perkara 8 dan 10 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan seperti yang dibangkitkan oleh Pemohon di dalam permohonannya. Oleh itu permohonan rujukan ini adalah tidak perlu dan adalah tidak lebih dari penyalahgunaan dan melewati-lewatkan proses Mahkamah.

Analisa Mahkamah

- [4] Keputusan di dalam kes **Gan Boon Aun v PP [2016] 4 MLJ 265** menunjukkan pematuhan kepada seksyen 30 Akta 91 adalah wajib namun seksyen tersebut tidak mewajibkan rujukan ke Mahkamah Tinggi bagi setiap permohonan yang dibuat melainkan permohonan tersebut mempunyai merit. Perkara ini telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan yang menyatakan seperti berikut di muka surat **281, perenggan 33:**

[33] We would like to state here and advise all Sessions Court judges and magistrates when dealing with any application made by any party under s 30 of the CJA to properly ensure that there is merit in such application. It may be just a frivolous application to delay the conduct of the

hearing of the trial. If there is no merit in such application the case should proceed to a final conclusion of the trial. A trial should be conducted on a continuous basis without interruption and delay. A trial should not be by installment. Likewise, High Court judges when presiding to deal with matters brought before them under s 30 of the CJA should act and decide promptly and judiciously whether there is merit in such application. If the matter referred to it does not relate to constitutional issue to be determined by the Federal Court, it should be sent back to the transmitting court for speedy disposal of the case.

- [5] Isu kesahihan seksyen 233 Akta 588 telahpun diputuskan oleh kes **Nor Hisham Osman v PP [2010] MLJU 1249** di mana Mahkamah Tinggi Shah Alam menyatakan bahawa sekatan di bawah seksyen 233 Akta 588 adalah munasabah bertujuan mencapai objektif Perkara 10 (2)(a) Perlembagaan Persekutuan dan tidak mencabul hak pemohon di sisi undang-undang. Mahkamah memutuskan bahawa:

“Mahkamah mendapati sekatan ini merupakan sesuatu yang munasabah dan berjustifikasi serta sampai kepada objektif atau matlamat yang dimaksudkan oleh Perkara 10 (2)(a). Perlembagaan Persekutuan, dengan jangkauan kearifannya yang tidak terbatas bertujuan memelihara hak semua rakyat Malaysia yang bernaung di bawah perlindungannya, tanpa mengira warna, agama, pangkat mahu pun darjat”

- [6] Memandangkan isu kesan peruntukan Perkara 10 Perlembagaan ini telahpun diputuskan oleh Mahkamah Tinggi, maka saya terikat dengan keputusan itu dan dengan itu tidak timbul lagi keperluan untuk saya merujuk permohonan ini ke Mahkamah Tinggi.
- [7] Selain dari itu di dalam kes **PP v. Sivarasa Rasiah Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur No. MT : 42 ORS-141-11/2016**, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya menolak permohonan pemohon untuk merujuk persoalan perlembagaan ke Mahkamah Persekutuan.
- [8] Mengenai isu samada sebarang pertuduhan yang dikatakan bercanggah dan bertentangan dengan seksyen 3 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 yang melarang penapisan dan justeru itu sama sekali dan dengan jelasnya tidak boleh dikekalkan dan adalah satu penyalahgunaan proses Mahkamah, saya mendapati isu ini bukan satu isu perlembagaan dan tidak relevan dengan permohonan di bawah seksyen 30 Akta Mahkamah Kehakiman.
- [9] Oleh yang demikian, permohonan ini ditolak dan saya membenarkan penggantungan prosiding sementara rayuan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi terhadap keputusan saya ini.

Bertarikh pada hari ini 9hb April, 2018.

.....
(ZAMAN BIN MOHD NOOR)

Hakim

Mahkamah Khas Jenayah Siber (MSJ 4)

Kuala Lumpur